

28/10/1997

Tongkah labur RM15j dalam teleperubatan

TONGKAH Holdings Bhd (Tongkah), akan melabur RM15 juta mewujudkan WorldCare Health Malaysia (WorldCare Health), iaitu kemudahan teleperubatan yang pertama seumpamanya di negara ini dengan usaha sama tiga syarikat antarabangsa.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Tongkah, Mokhzani Mahathir, berkata usaha itu dibuat sejajar rancangan syarikat mengukuhkan lagi pembabitan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Katanya, matlamat utama WorldCare Health ialah menyediakan perkhidmatan nasihat pakar perubatan menerusi sistem teleperubatan yang menjimatkan kos supaya ia dapat digunakan semua lapisan masyarakat.

"Kami berhasrat menyediakan kemudahan rangkaian khidmat teleperubatan canggih dan paling ekonomikal di Malaysia," katanya pada majlis memeterai perjanjian usaha sama menubuhkan WorldCare Health, di Kuala Lumpur, semalam.

Selain Tongkah, usaha sama itu disertai WorldCare Ltd (WCL) yang berpangkalan di Amerika Syarikat; Concorde Investment Ltd (CIL) dari Arab Saudi dan Mitsubishi Corporation (Mitsubishi), Jepun.

Pada majlis itu, Mokhzani memeterai bagi pihak Tongkah; WCL oleh Ketua Eksekutifnya, Nasser Menhall; CIL oleh wakilnya Hashim Salleh dan Mitsubishi oleh Pengurus Besar Unit Khidmat Perubatan, Ikuo Honda.

(END)